



Analisis Pendekatan *Maqāṣid Al-Syari'ah* Menurut Liberal Dalam Wacana Hukum Islam

**Maqasid
Al-Syariah**

Analysis of the Maqāṣid Al-Shari'ah Approach in Islamic Legal Discourse According to Liberals

135

LUQMAN HAKIM SYAHBUDIN

Jabatan Siyasa Syar'iyyah

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

luqmansyahbudin1999@gmail.com

Submitted: 6 April 2022

Revised: 14 July 2022

Accepted: 30 October 2022

E-Published: 31 October 2022

MUHAMMAD RASYDAN JUNUH

Jabatan Syariah dan Undang-undang

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

amirrasydan89@gmail.com

MUHAMMAD SAFWAN HARUN

(Corresponding Author)

Jabatan Fiqh dan Usul

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

safone_15@um.edu.my

ABSTRAK

Maqāṣid al-syari'ah kini mendapat tempat dalam pelbagai wacana Islam. Dari sudut yang positif, perkembangan ini dilihat bermanfaat kepada masyarakat kerana ianya dapat menambahkan pemahaman umat Islam terhadap intipati Syariah serta penerimaan masyarakat majmuk melalui penzahiran kemaslahatan yang terdapat di sebalik syariah keseluruhannya. Namun demikian, mutakhir ini perbincangan *maqāṣid al-syari'ah* dilihat membimbangkan apabila bercambahnya aliran yang tidak lagi menjadikan disiplin *usul al-fiqh* dalam memahami nas syarak sebagai asas utama dalam perbincangan *maqāṣid al-syari'ah* dan penentuan *masalah*. Sebaliknya, penafsiran-penafsiran yang bersifat hermeneutik dengan didorong hawa nafsu dan keinginan duniawi menjadi asas perbincangan wacana *maqāṣid al-syari'ah* bagi golongan ini. Justeru, melalui metodologi kepustakaan, kajian yang dijalankan ini bertujuan mendedahkan metodologi aliran liberal dalam wacana semasa *maqāṣid al-syari'ah*. Setelah menjalankan analisis kandungan secara deduktif, induktif dan komparatif, kajian mendapati terdapat empat pendekatan utama yang dipraktikkan oleh aliran ini dalam wacana hukum Islam dari perspektif *maqāṣid al-syari'ah*. Justeru, metodologi sedemikian perlu ditangani melalui pendekatan secara *counter narratives*.





Kata Kunci: Maqāṣid al-Syari'ah, Liberal, Hukum Islam, Usul al-Fiqh, Metodologi

ABSTRACT

Maqāṣid al-shari'ah now finds its place in various Islamic discourses. On the positive side, this development is seen as beneficial to the community as it can increase the understanding of Muslims towards the essence of Shari'ah as well as the acceptance of the plural societies through the disclosure of the sanctity behind the Shari'ah as a whole. Recently, the discussion of maqāṣid al-shari'ah is seen as alarming upon the flow of discussion was no longer makes the discipline of usul al-fiqh in understanding the syara' as the main basis in the discussion of maqāṣid al-shari'ah and the determination of maslahah. On the contrary, hermeneutic interpretations driven by lust and worldly desires become the basis of the discussion of maqāṣid al-shari'ah discourse for this group. Precisely, through the literature methodology, this study is aimed on revealing the methodology of liberal thought in the discourse of maqāṣid al-shari'ah. After conducting deductive, inductive and comparative content analysis, the study found that there are four main approaches practiced by this school in Islamic legal discourse from the perspective of maqāṣid al-shari'ah. In fact, such a methodology needs to be addressed through a counter-narrative approach.

Keywords: Maqāṣid al-shari'ah, liberal, Islamic law, usul al-fiqh, methodology

PENGENALAN

Perkembangan ilmu *maqāṣid al-syari'ah* sebagai suatu disiplin ilmu yang tersusun memainkan peranan penting dalam penentuan dan perbincangan hukum Islam. Proses perkembangan ilmu ini telah melalui waktu, tradisi dan perbahasan yang sangat panjang oleh ulama terdahulu dan juga kontemporari. Beberapa tokoh ulama merentasi zaman seperti al-Raghib al-Aṣḥānī (M302H), Abū Zayd Aḥmad Ibn Sahl al-Balkhī (M322H), al-Qaffāl al-Shāshī (M365H), Abū Bakr al-Rāzī al-Jaṣṣ (M370H), Ibn Babawayh al-Qimmī (M381H), Abū Ḥasan al-Amīrī (M381H), al-Qāḍī Abd al-Jabbār al-Hamazānī (M417H), Ibn Rushd (M520H), Ibn 'Arābī (M543H), Muḥammad al-Bukhārī (M546H), Fakhr al-Dīn al-Rāzī (M606H), Sayfuddīn al-Āmidī (M631H), Ibn 'Abd al-Salām (M660H), al-Qarrāfī (M684H), al-Ṭūfī (M716H), Ibn Taymiyyah (M728H), Ibn al-Qayyim (M751H), al-Shāṭibī (M790H), Ibn Khaldūn (M808H), al-Dahlawī (M1176H), al-Shawkānī (M1250H), Ibn 'Ashūr (M1393H), 'Allāl al-Fāsī (M1394H), 'Abdullāh Ibn Bayyah (H1935M) dan Aḥmad al-Raysūnī (H1953M) bertungkus lumus dalam mensistamkan ilmu ini sebagai satu disiplin yang tersusun (Abu Talib Mohammad Monawer & Rahman, 2016).

Walaupun penggunaan *maqāṣid al-syari'ah* dilihat ketat dan memerlukan kebolehan ijtihad yang baik namun, prinsip dan nilai akhir yang lahir daripada ilmu *maqāṣid al-syari'ah* ini sangat dinamik, fleksibel dan universal. Hal ini secara tidak langsung

mempengaruhi cendekiawan dan para pengkaji terutamanya para mufti (*al-ifta'*) dan juga golongan yang terlibat dalam badan perundangan legislatif negara bagi mengatur dan menyusun polisi mengikut prinsip dan acuan *maqāṣid al-syari'ah* khususnya melibatkan isu-isu kontemporari. Menariknya, wacana-wacana terbuka yang membahaskan ilmu ini juga dilihat semakin bercambah dan meluas khususnya di dua negara yang mempunyai majoriti penduduk umat Islam terbesar di Asia Tenggara iaitu Malaysia dan Indonesia. Misalnya di Malaysia wujud satu gagasan *rahmatan lil alamin* yang menjadikan *maqāṣid al-syari'ah* sebagai asas. Namun begitu, ia mendapat respon pelbagai pihak samada menerima mahupun sebaliknya. Antara respon tersebut adalah daripada Kongres Maruah Melayu oleh Kluster Agama bagi mengharmonikan semula konsep dan gagasan *rahmatan lil 'alamin* yang menyentuh tentang salah satu elemen *maqāṣid al-syariah* iaitu penjagaan agama atau *hifz al-dīn* (Muhammad, 2019). Di Indonesia pula, wacana *maqāṣid al-syariah* lebih beragam hingga ianya cuba diaplikasikan dalam perubahan konsep agama Islam dan metodologi pengkajian Al-Qur'an di perguruan tinggi Islam yang mendapat respon dari kalangan umat Islam di Indonesia (Zulkhifly, 2014). Begitu juga isu berkaitan dengan toleransi beragama yang menyentuh aspek *maqāṣid al-syari'ah* telah diwacanakan hingga mendapat respon dari pelbagai pihak (Ryandi, 2013).

Dari sudut yang positif, perkembangan ini dilihat bagus dan bermanfaat kepada masyarakat kerana ianya dapat menambahkan pemahaman umat Islam terhadap intipati Syariah serta penerimaan masyarakat bukan Islam terhadap hukum-hukum dan ketetapan syarak sebagai asas pembentukan masyarakat yang madani. Namun demikian, mutakhir ini perbincangan *maqāṣid al-syari'ah* dilihat agak membimbangkan apabila terdapat aliran yang tidak lagi menjadikan disiplin *usul al-fiqh* dalam memahami nas syarak sebagai asas utama dalam perbincangan *maqāṣid al-shari'ah* dan penentuan *maslahah*. Sebaliknya, penafsiran-penafsiran yang bersifat hermeneutik dengan didorong hawa nafsu dan keinginan duniawi menjadi asas perbincangan wacana *maqāṣid al-shari'ah* bagi golongan ini. Ini dapat diperhalusi dalam beberapa isu antaranya isu persamaan gender, pluralisme agama, aurat wanita Islam dan hak-hak asasi manusia (Masroom & Dagang, 2016).

Golongan yang lebih dikenali sebagai liberal ini menjadikan dasar kebajikan universal sebagai dogma perjuangan dengan piawaian masyarakat antarabangsa (Muhammad Atiullah Othman & Daud, 2014). Golongan ini sering mengeluarkan kesimpulan hukum yang dilihat bertentangan dengan nas hingga menimbulkan polemik dalam kalangan ulama. Antara hukum Islam yang sering diperjuangkan oleh golongan ini untuk dinilai kembali ialah hukum bertudung dan perkahwinan silang agama. Malah lebih mutakhir, terdapat penafsiran terhadap epistemologi agama melalui kerangka wacana *maqāṣid al-syari'ah* liberal antaranya tentang tafsiran *hifz al-din*. Anehnya, semua ijtihad dan penafsiran sedemikian didakwa bertepatan dengan tujuan dan objektif syarak (*maqāṣid al-syari'ah*) walaupun ianya jelas bertentangan dengan *zahir* nas yang mendasari isu-isu tersebut. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menerangkan metodologi golongan liberal dalam wacana hukum Islam semasa menurut *maqāṣid al-syari'ah*.

TEORI MAQĀṢID AL-SYARI'AH

Maqāṣid adalah kata jamak bagi lafaz *maqṣad* iaitu kata terbitan yang diambil daripada kata kerja *qasada*, *yaqsudu*, *qasd* dan *maqsad*. Dalam bahasa arab, perkataan *qasd* didefinisikan kepada beberapa maksud iaitu mendatangi sesuatu dan mengahala ke arahnya, lurus dan tidak bengkok, adil dan tidak melampau dan memecahkan atau pecahan (al-Qazwīnī, 1979). Syariah pula berasal dari segi bahasa ialah jalan yang lurus atau jalan yang dilalui oleh orang ramai untuk mendapatkan sumber air yang akan menghilangkan haus dan mendamaikan kepada peminum air (Ibn Manzur, t.t). Dari segi istilah pula syariah bermaksud aturan Allah SWT untuk manusia terdiri daripada hukum-hakam dalam al-Quran dan Sunnah.

Daripada pengertian bahasa dua perkataan yang membentuk *maqāṣid al-syari'ah*, maka ia boleh didefinisikan dalam bahasa mudahnya sebagai objektif Syariah iaitu mengapa dan kenapa disyariatkan sesuatu pensyariatan itu dan apakah rahsianya. Para ulama banyak memberikan definisi terhadap istilah ini antaranya ialah Muhammad Thahir Ibn 'Asyur telah mendefinisikan *maqāṣid al-syari'ah* sebagai:

المعاني والحكم الملحوظة للشارع في جميع أحوال التشريع أو معظمها، بحيث لا تختص ملاحظتها

بالكون في نوع خاص من أحكام الشريعة

Maksudnya: Makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil perhatian oleh Syarak dalam keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syariat yang tidak mengkhusus kepada mana-mana hukum Syarak yang tertentu
(Ibn Asy'ur, 1998)

Manakala Syeikh 'Allal al-Fasi pula mentakrifkannya *maqāṣid al-syari'ah* sebagai:

الغاية منها (أي الشريعة)، والأسرار التي وضعها الشارع عند كل حكم من أحكامه

Maksudnya: Tujuan-tujuan syariat serta rahsia-rahsianya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum-hakam
(Al-Afasi, 1966)

Al-Raysuni pula berpandangan *maqāṣid al-syari'ah* merupakan;

الغايات التي وضعت الشريعة لأجل تحقيقها لمصلحة العباد

Maksudnya: Tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syari'at bagi merealisasikan kemaslahatan manusia

(Al-Raysuni, 1995)

Berdasarkan definisi yang telah diberikan sarjana Islam terhadap *maqāṣid al-syari'ah* ini, maka didapati bahawa tujuan syarak itu tidak terlepas dan terlerai daripada pemahaman yang mendalam tentang teks hukum Islam. Panduan dan parameter

(*dawābit*) yang jelas juga perlu menjadi keutamaan bagi memastikan tujuan-tujuan syarak yang dikenalpasti adalah bertepatan dengan apa yang dikehendaki oleh Allah SWT bukan kehendak manusia. Walaupun penekanan diberikan dari aspek teoritikal, aspek praktikal juga perlu diambil kira dalam memahami konsep *maqāṣid al-syari'ah*.

ASAS PENDEKATAN LIBERAL DALAM WACANA MAQĀṢID AL-SHARI'AH

Menurut Yūṣuf al-Qaradawī, terdapat tiga pendekatan atau aliran pemikiran dalam pengaplikasian *maqāṣid al-syari'ah*. Tiga pendekatan tersebut ialah (i) *al-Zāhiriyyah al-Judūd* (Neo-zahiriyyah), (ii) *Waṣātiyyah* (pertengahan) dan (iii) *al-Mu'aṭṭilah al-Judūd* (Neo-Perosak). Aliran pertama iaitu *al-zāhiriyyat al-Judūd* ini ialah aliran yang menolak secara total konsep *maqāṣid al-syari'ah* dan berpegang kepada zahir nas semata-mata. Manakala golongan kedua ialah mereka yang bersederhana dalam perbincangan dan wacana ini (al-Qaradawī, 2005).

Dalam meneliti pendekatan aliran liberal terhadap *maqāṣid al-syari'ah*, al-Qaradawī memberikan gelaran kepada golongan ini sebagai "*al-Mu'aṭṭilah al-judud*" yang secara literalnya bermaksud neo-perosak. Golongan ini secara tidak langsung merosakkan wahyu Allah SWT daripada maknanya yang sebenar. Gelaran tersebut pada zaman dahulu lebih dikenali kerana merosakkan akidah, tetapi pada zaman kini mereka dilihat sebagai perosak syariat itu sendiri. Imām al-Shātībī pula menggelarkan kelompok ini sebagai *al-muta'ammiqūn fi al-qiyās* (mendahului masalah berbanding nas sekiranya berlaku pertentangan) (Al-Syātībī, 2015). Antara sebab aliran pemikiran ini dinamakan sebagai 'perosak' adalah kerana pengabaian dan penolakan mereka terhadap makna sebenar al-Qur'an dan Sunnah. Bahkan dalam menilai hukum-hukum dan syariat, mereka cenderung untuk memilih jalan mengikut kehendak mereka dalam keadaan bertentangan dengan pendapat ulama Islam yang muktabar. Ciri-ciri golongan tersebut hakikatnya wujud secara jelas dalam wacana Islam liberal hari ini. Ini kerana, metodologi utama aliran ini adalah memberi penekanan secara keterlaluan terhadap kontekstualisasi agama dalam masyarakat moden sehingga melahirkan satu sistem penafsiran teks hukum Islam yang bersifat hermeneutik tanpa menghiraukan tradisi keilmuan Islam seperti disiplin *Usūl al-Fiqh* dan sebagainya. Jika diperhalui lanjut, pendekatan sedemikian merupakan asas pegangan aliran ini apabila berhadapan dengan disiplin tradisi keilmuan Islam iaitu tidak terikat dengan autoriti keilmuan dan ijtihad lepas. Ini dapat dalam penegasan tokoh daripada aliran ini misalnya Luthfi as-Shaukanie iaitu seorang pemikir dan pendiri Jaringan Islam Liberal (JIL) yang pernah menulis melalui laman web rasmi gerakan tersebut;

"Andai aku seorang Muslim liberal, maka aku akan melepaskan segenap keyakinan-keislamanku dari segala bentuk otoritas tafsir atas Islam yang tidak sesuai dengan akalku, termasuk otoritas keulamaan. Namun, aku akan menerima tafsir-otoritatif dari siapapun, dalam arti otoritas itu bersumber pada bukti-bukti yang meyakinkan secara rasional dan berdasar pada prinsip-prinsip ilmiah yang aku yakini kebenarannya... Syarat-syarat klasik yang biasanya menjadi kualifikasi terberat dalam melakukan ijtihad sudah seharusnya ditinjau ulang. Karena, syarat-syarat itu, selain tidak masuk akal,

hanya akan membatasi kemajuan kaum muslim. Argumen utama kaum liberal adalah bahwa manusia diciptakan oleh Allah dalam keadaan bebas. Dan kebebasan adalah anugerah terpenting yang diberikan Tuhan kepada manusia. Kebebasan berpendapat, selain itu, juga merupakan hak individu yang tak seorangpun berhak mencegahnya"...

(As-Shaukanie, 2002)

Golongan yang diistilahkan sebagai *al-mu'attilah al-judūd* mempunyai beberapa ciri khusus. Antaranya ialah (1) jahil dan tidak tahu tentang hakikat syariah, (2) mengeluarkan pandangan atau pendapat tanpa ilmu dan (3) sentiasa terikut-ikut dengan agenda dan naratif barat (al-Qaradawi, 2005). Berdasarkan penerangan al-Qaradawi, golongan *al-mu'attilah al-Judud* ini boleh dianggap sebagai sebahagian pihak yang termasuk dalam golongan bermudah-mudahan (*tafrīt*) dalam penafsiran agama. Sebaliknya *waṣatiyyah* ialah merujuk kepada satu jalan yang diredhai oleh Allah SWT kerana sifatnya yang pertengahan (*waṣatiyyah*) di mana tidak terlebih ataupun berkurang. Asasnya ialah tauhīd, kejujuran yang berterusan dan pertimbangan yang adil antara kedua-dua sisi dengan sebaik mungkin. Manakala jalan ahli bid'ah pula ialah cenderung kepada satu sisi sahaja, mengandungi kekurangan, berlebih-lebihan, kecenderungan melampau, penyelewengan, pluraliti dan perbezaan yang ketara (al-Qārī, 2001).

Pemikir-pemikir yang boleh dikategorikan dalam golongan *al-mu'attilah al-judūd* ini tidak didapati secara zahir pada zaman awal perkembangan hukum Islam. Hal ini disebabkan pada zaman tersebut, kerencaman masyarakat tidak begitu kompleks seperti zaman moden. Tambahan pula, jarak masa antara zaman pertengahan dengan tempoh kewafatan baginda adalah dekat. Malah, perkembangan ilmu *uṣul al-fiqh* termasuklah *maqāṣid al-syariah* belum dikembangkan sepenuhnya.

Namun, pada zaman pertengahan sehingga kini pemikiran golongan yang disifatkan sebagai *al-mu'attilah al-judūd* ini semakin berkembang dan bergiat aktif dalam wacana semasa *maqāṣid al-syari'ah*. Ia bukan hanya melibatkan individu-individu tertentu sahaja malah bergerak secara kolektif melalui pertubuhan, gerakan dan badan-badan bukan kerajaan. Dalam artikel ini, tokoh-tokoh semasa yang disebutkan bukanlah bertujuan untuk memberi kritikan peribadi tetapi untuk menilai persoalan metodologi dan pendekatan yang digunakan oleh mereka dalam perbincangan *maqāṣid al-syari'ah*. Dengan pendekatan tipologi ini, kepincangan corak pemikiran liberalisme terhadap konsep *maqāṣid al-syariah* yang telah dibangunkan dalam tradisi keilmuan islam dapat dikenalpasti.

Antara pemikir awal yang lahir dalam aliran ini ialah 'Ali 'Abd al-Raziq yang telah menimbulkan kontroversi dengan menafikan hubungan antara agama dan politik (negara) dalam Islam melalui bukunya berjudul '*al-Islām wa Usūl al-Ahkām*' (Sulaiman, 2018). Kontroversi ini berlaku rentetan daripada kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah di mana umat Islam global pada ketika itu masih mencari-cari sistem pemerintahan negara yang mampu menggantikan sistem khalifah yang digunapakai sebelum itu. Selain daripada itu, tokoh-tokoh Islam liberal juga turut disenaraikan oleh (Kurzman,

1998) di dalam bukunya '*Liberal Islam : A Sourcebook*' dengan menampilkan nama-nama seperti Rachid Ghannouchi, Benazir Bhutto, Fatima Mernissi, Mohamed Arkoun, Nurcholish Madjid, Abdulkarim Soroush, Ali Shari'ati dan lain-lain. Namun demikian, senarai nama dikeluarkan oleh Kurzman tersebut hanyalah disebabkan tokoh-tokoh tersebut terlibat langsung dalam perbincangan skop liberalisasi seperti demokrasi, hak asasi manusia, gender dan sebagainya. Dalam erti kata lain, pengkelasan tokoh-tokoh berkenaan dalam aliran ini terdedah kepada beberapa persoalan khususnya daripada aspek metodologi. Oleh itu, ulama kontemporari seperti Yusūf al-Qaradawi turut tersenarai sebagai tokoh Islam liberal oleh Kurzman disebabkan beliau juga banyak terlibat dalam perbincangan hukum semasa berkaitan masalah masyarakat moden.

Dengan meletakkan tradisi keilmuan Islam sebagai asas perbincangan *maqāṣid al-syari'ah* menyebabkan tidak banyak tokoh-tokoh Islam liberal kontemporari dapat disenaraikan untuk membuat perbandingan pendekatan fundamental aliran ini. Ini kerana, golongan ini sering meletakkan asas pendekatan mereka adalah daripada sumber-sumber ulama silam seperti Imām al-Shāṭibī, Imām Ibn 'Ashur dan ramai lagi. Menurut Sulaiman (2018), nama-nama besar yang mendokong pemikiran Islam liberal ini antaranya ialah Ulil Abshar Abdallah, Lufi as-Syaukani, Mosyqit al-Ghazali, Sumanto al-Qurtubi, Siti Musdah Mulia, Nong Darol Mahmadah dan lain-lain lagi. Di Malaysia pula, nama-nama perorangan seperti Amina Wadud, Siti Kassim Kasim Ahmad dan Astora Jabat mahupun organisasi seperti Sisters in Islam disebutkan sebagai pendokong aliran ini. Berdasarkan kajian terhadap pemikiran liberalisme di Malaysia, terdapat empat kategori pemikir dalam wacana Liberalisme yang wujud iaitu pemikir liberal tegar, pemikir liberal awam, liberal khas dan anti-liberal (Ismail & Stapa, 2019). Dalam artikel ini, fokus akan diberikan kepada kelompok yang pertama dan kedua kerana keduanya sering mengeluarkan pandangan yang menyanggah tradisi keilmuan Islam tentang *maqāṣid al-syari'ah*.

PRINSIP PEMAKAIAN MAQĀṢID AL-SYARI'AH

Maqāṣid al-syari'ah majoritinya diterima dengan pengertian bahawa ia adalah tujuan dan objektif disebalik setiap pensyariatatan. Namun demikian, terdapat aliran-aliran yang menolak dan menyalahartfaksirkan pengertian sebenar *maqāṣid al-syari'ah* sebagaimana yang berlaku dalam golongan *al-mu'aṭṭilah al-judūd*. Selain itu, manusia yang berakal waras tidak akan melakukan sesuatu tanpa ada tujuannya, sebaliknya bagi orang yang tidak berakal mereka tidak tahu tujuan disebalik tindakan yang dilakukannya. Maka, sekiranya premis ini merupakan perkara yang selayaknya bagi seorang manusia, lebih logik bagi syariat Islam yang telah ditentukan oleh syarak untuk mempunyai tujuan disebalik pensyariatannya (Al-Raysūnī, 1999). Logik ini berteraskan beberapa dalil asas antaranya ialah:

Firman Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat ke-2 yang bermaksud:

Dialah yang memiliki kerajaan langit dan bumi, dan Dia tidak mempunyai anak, dan tidak ada sekutu baginya dalam kekuasaan(Nya), dan Dia telah



menciptakan segala sesuatu, dan Dia menetapkan ukuran ukurannya dengan serapi-rapinya"

(Al-Furqan, 25:2)

Firman Allah SWT dalam surah al-Ṭalāq ayat 3 :

Maksudnya: "Dan Dia memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka. Dan barangsiapa yang bertawakkal kepada Allah SWT niscaya Allah SWT akan mencukupkan (keperluan)nya. Sesungguhnya Allah SWT melaksanakan urusan yang (dikehendaki)Nya. Sesungguhnya Allah SWT telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu"

(Al-Talaq, 65:3)

Firman Allah SWT dalam surah al-Qamar ayat 49:

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan)".

(Al-Qamar, 54:49)

Firman Allah SWT dalam surah al-Dukhān ayat 38-39:

Maksudnya: "Dan tidaklah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya secara main-main. Tidaklah Kami menciptakan keduanya (serta segala yang ada di antaranya) melainkan kerana menzahirkan perkara-perkara yang benar; akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat itu).

(Al-Dukhan, 44:38-39)

Semua dalil yang dinyatakan di atas hakikatnya menunjukkan bahawa Allah SWT menjadikan setiap sesuatu dengan adanya tujuan dan hikmah tertentu. Mustahil bagi Allah SWT untuk menciptakan sesuatu perkara tanpa ada sebab musababnya. Namun begitu, bukanlah bermaksud wajib bagi Allah SWT menjadikan hikmah atau masalah pada setiap pensyariatannya di mana kefahaman begini lebih selari dengan sifat iradah Allah SWT. Oleh kerana itu, penciptaan hikmah atau masalah pada setiap pensyariatannya merupakan sebahagian daripada konsep keraian syarak terhadap kemaslahatan para hamba (Syarif & Ahmad, 2016).

Dari aspek pemakaian *maqāṣid al-syari'ah* , ia tidak boleh terbabas daripada garis panduan atau metode yang digariskan ulama. Hal ini untuk memastikan hasil penilaian *maqāṣid al-syari'ah* benar-benar bertepatan dengan kehendak syarak, tidak melampau dalam pentafsirannya dan memberi gambaran jelas tentang pensyariatannya oleh Allah SWT. Bagi merealisasikan hal tersebut, *maqāṣid al-syari'ah* perlu disingkap melalui pendekatan yang muktabar. Dalam hal ini, al-Shatibi misalnya menggariskan metode *istiqrā'* sebagai salah satu kaedah utama dalam menyingkap *maqāṣid al-syari'ah* yang dilakukan melalui penelitian ke atas hukum *juz'i* (tunggal) bagi

mendapatkan hukum yang berbentuk *kulli*. Tentang metode ini, ianya terbahagi kepada dua iaitu *istiqra' tam* dan *istiqra' naqis*. *Istiqra' tam* ialah penelitian ke atas keseluruhan *juz'iyat* di mana ia dianggap dalil *qat'i* dalam kalangan jumur ulama. Sementara *istiqra' naqis* pula ialah penelitian terhadap kebanyakan *juz'iyat* di mana ia dianggap sebagai menempelkan sesuatu kepada kebiasaan (al-Yubi, 1998).

Antara perkara-perkara yang dianalisis bagi mengenal pasti *maqāṣid al-syari'ah* ialah perintah dan larangan yang dinyatakan secara jelas seperti pensyariatan solat, zakat, haji dan larangan mensyirikkan Allah SWT. Selain itu, penelitian juga dilakukan ke atas sebab atau 'illah dalam perintah-perintah dan larangan-larangan syarak contohnya larangan seorang muslim meminang pinangan orang lain. Akhir sekali, penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran yang tidak mempunyai maksud selain dari objektif syarak berdasarkan kefahaman dalam bahasa arab (Alias, Samsudin, & Omar, 2018).

Tentang prinsip pemakaian *maqāṣid al-syari'ah* pula, para ulama telah menentukan *dawābit* yang khusus. Menurut Muhammad Sa'ad ibn Ahmad al-Yūbī (2020), terdapat lapan (8) *dawābit* bagi penggunaan *maqāṣid al-syari'ah* dalam ijtihad menurut perbincangan dan perbahasan ulama iaitu:

- i. Memastikan ketepatan maksud (*maqāṣid*) yang telah ditetapkan.
- ii. Mengkategorikan tahap *maqāṣid* yang telah dikenalpasti mengikut tertib tertentu.
- iii. Mereka yang menetapkan dan menentukan *maqāṣid* perlulah mempunyai autoriti dan ahli dalam pendalilan dan pensabitan hukum.
- iv. Melakukan pertimbangan antara *juz'iyāt* dan *kulliyyāt*.
- v. Melakukan pertimbangan antara *maslahah* dan *mafsadah*.
- vi. Melihat dan melakukan penilaian terhadap kesan penetapan *maqāṣid* bagi sesuatu nas.
- vii. Penetapan *maqāṣid* perlulah dinilai dari segala segi bab yang khusus baginya dan selari dengan kaedah *kulliyyah* (secara umum).
- viii. Tidak berlaku pertentangan antara *maqāṣid* yang telah ditetapkan dengan nas syarak.

Di samping itu, Yuṣuf al-Qaradawi (2005) juga telah menggariskan beberapa perkara yang juga boleh dianggap sebagai parameter (*dawābit*) penggunaan *maqāṣid al-syari'ah*. Antaranya ialah: -

- i. Membahaskan terlebih dahulu maksud nas sebelum mengeluarkan hukum.
- ii. Memahami nas berdasarkan skop sebab dan cara pemakaiannya.
- iii. Membezakan antara *maqāṣid* yang asli/tetap dan pengantara yang boleh berubah.
- iv. Memastikan keserasian antara perkara yang tetap (*thawābit*) dalam syari'at dan perkara yang berubah-ubah (*mutaghayyirāt*).
- v. Membezakan antara ibadah dan mu'amalah ketika melihat dari sudut makna/*maqāṣid*.



ANALISIS PENDEKATAN MAQĀSID AL-SYARI'AH GOLONGAN LIBERAL DALAM WACANA HUKUM ISLAM

Perkataan "liberal" mempunyai etimologi yang luas mengikut konteks yang ingin dibincangkan. Dalam konteks perbahasan hukum syarak, konotasi liberal membawa maksud tidak terikat dengan secara mutlak dengan mana-mana mazhab, disiplin dan juga entiti tertentu (Ahmad, 2007). Selain daripada liberal, golongan tersebut turut digelar sebagai muslim progresif samada gelaran tersebut diberikan pihak lain atau merupakan gelaran terhadap kumpulan mereka sendiri. Dalam hal ini, Safi (2003) menjelaskan bahawa Islam progresif mempunyai beberapa kriteria antaranya (1) memperjuangkan keadilan dan masyarakat yang pluralis dan kritikal terhadap Islam, (2) mementingkan keadilan sosial, (3) kesamarataan jantina (*gender*) sebagai asas hak asasi manusia dan (4) mempunyai visi pluralisme agama dan etnik. Visi pluralisme golongan ini yang bersifat relatif jelas menunjukkan bahawa mereka meletakkan kedudukan *masalah* sebagai suatu perkara yang ditentukan sendiri oleh manusia bukan hak sebaliknya iaitu Allah SWT. Maka, apabila berlakunya pertentangan antara *masalah* dunia dengan nas syarak, liberal akan mengambil pendekatan dengan mendahulukan *masalah* terlebih dahulu berbanding nas.

Dari segi metodologi dan disiplin dalam wacana hukum Islam, golongan liberal dilihat tidak mempunyai asas yang kukuh kerana pendekatan yang digunakan dilihat bertentangan dengan tradisi keilmuan Islam. Oleh kerana itu, boleh disimpulkan bahawa kritikan liberal terhadap syariat terbahagi kepada tiga kategori argumen yang saling berkait antara setiap satunya iaitu bergantung terhadap konteks sejarah pensyariaan sesuatu hukum, mengutamakan pertimbangan *maqāsid al-syari'ah* dan berasaskan pertimbangan hak asasi manusia (Syafri, 2009). Oleh yang demikian, terdapat pelbagai versi dan teori yang dikemukakan oleh golongan liberal terhadap definisi dan pemaknaan *maqāsid al-syari'ah* secara konseptual.

Berdasarkan contoh-contoh semasa, sorotan kajian menemukan beberapa ciri-ciri dan pendekatan yang digunakan oleh golongan ini dalam menjadikan *maqāsid al-syari'ah* sebagai sandaran hukum Islam. Antara beberapa ciri tersebut ialah;

Pertama, meletakkan nilai universal sebagai subjek utama dalam wacana *maqāsid al-syari'ah* dan hukum Islam. Nilai universal di sini bermaksud nilai-nilai yang digariskan oleh badan antarabangsa Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) seperti keadilan sosial, kesetaraan *gender*, hak sama rata dan sebagainya. Misalnya, Sister in Islam (SIS) yang dikenali sebagai sebuah gerakan liberal di Malaysia menyatakan bahawa bertudung bagi perempuan adalah hak individu dan kewajipan perkara tersebut adalah tidak patut dengan alasan kerana melanggar hak kebebasan wanita (Zulkiply, Rahman, & Rahman, 2016).

Kedua, golongan liberal cenderung dalam menafsirkan nas al-Quran dan al-Hadith menggunakan kaedah hermeneutik dalam penentuan tujuan syarak atau *maqāsid al-syari'ah*. Secara umumnya, kaedah ini bermaksud penilaian dan istilah neutral yang tidak mendokong cara pandang tertentu (*world view*) (Suharto, 2003). Hakikatnya,

kaedah hermeneutik yang selalu digunakan dalam mencari kebenaran bible ini tidak sesuai untuk digunakan dalam menafsirkan al-Quran. Ini kerana, tujuan utama kaedah ini digunakan ke atas bible adalah disebabkan terdapatnya permasalahan pada bible itu sendiri seperti terlalu banyak versi dan penulisan menyebabkan kebenaran ayat bible diragui, berbeza dengan al-Quran yang diturunkan langsung oleh Allah SWT. Namun begitu, kebenaran seluruh ayat-ayat al-Quran tersebut sering dipersoalkan. Antaranya ayat tentang *ṭalaq* yang didakwa sepatutnya tidak diterima kerana ia bertentangan dengan kesetaraan jantina (*gender*) yang dianggap sebagai *maqāṣid al-syari'ah* yang ditetapkan melalui metodologi hermeneutik golongan ini (Duderija, 2014).

Ketiga, golongan ini bersikap selektif dalam penilaian terhadap perbincangan *maqāṣid al-syari'ah* oleh tradisi ulama yang terdahulu. Sejarah serta perkembangan ilmu *maqāṣid al-syari'ah* ini tidak dapat dinafikan melalui proses yang sangat panjang dan memerlukan tertib serta kemahiran dan kepakaran dalam bidang *usul al-fiqh* yang tinggi. Bagi memperlihatkan kekuatan dan legitimasi hujah golongan ini, mereka cuba untuk memberikan sandaran kepada tokoh-tokoh ulama tradisi Islam yang juga merupakan pelopor utama ilmu *maqāṣid al-syari'ah* seperti Imām al- 'Izz ibn 'Abdul Salām, Imām al-Shātibī, Imām ibn 'Ashur dan lain-lain. Namun demikian, pendekatan tersebut dilihat bersifat selektif dan tidak membawa gambaran (*framework*) penuh konsep *maqāṣid al-syari'ah* yang dibawa oleh ulama muktabar. Dalam hal ini, terdapat pertentangan yang jelas antara aliran ini dengan barisan ulama tersebut. Contohnya, bagi menghalalkan dan membenarkan kelakuan seks songsang (LGBT), Musdah Mulia menggunakan alasan daripada al-Shātibī dengan menyatakan bahawa umat Islam sudah terlalu jauh berpegang dengan zahir nas sehingga meninggalkan nilai-nilai kemanusiaan terhadap golongan kepada LGBT (S. M. Mulia, 2009). Ini jelas bertentangan dengan gambaran penuh yang dibawa oleh al-Shātibī berkaitan dengan frasa yang disebutkan oleh Musdah. Sedangkan kenyataan al-Shātibī dalam permasalahan tersebut tidak sekalipun membawa maksud untuk menolak zahir nas, sebaliknya menyebutkan bahawa proses Istiqra' daripada nas-nas dalam mengeluarkan sesuatu *maqāṣid al-syari'ah* diperlukan dan tidak bergantung kepada logik akal semata-mata (Al-Syātibī, 2015).

Keempat, perpektif golongan ini terhadap penilaian *masalah* adalah terhad kepada keduniaan dan material. Dalam erti kata lain, kebanyakan daripada natijah hukum menurut wacana golongan ini, ianya hanya berkisar menurut perspektif dunia semata-mata. Justeru, penilaian seperti ini menyebabkan idea yang cuba diketengahkan dalam konteks tujuan syariat akan bertentangan dengan zahir nas. Walhal, dimensi *masalah* yang dimaksudkan oleh syariat menurut al-Būṭī mempunyai piawaiannya tersendiri iaitu merangkumi aspek dunia dan akhirat (al-Būṭī, 2005). Maka dengan sebab itu, penentuan *masalah* sepatutnya tidaklah bersifat bebas tetapi perlu disokong oleh penilaian induktif (*tafsir maudhu'i*) daripada penelitian al-Quran sebagai sumber yang utama di samping dalil-dalil syarak yang lain.

Empat pendekatan liberal yang dikenalpasti tersebut terhasil daripada perkembangan metodologi mereka yang mendahulukan *masalah* berbanding nas. Metodologi

tersebut bukan hanya tidak berasas malahan bersandarkan kepada penelitian yang tidak tepat terhadap beberapa pendekatan ulama dalam kalangan sahabat dan selainnya. Antara contoh dakwaan yang tidak tepat daripada golongan ini untuk membenarkan metodologi yang diperjuangkan ialah: -

i. Saidina Umar r.a dikatakan mendahulukan *masalah* berbanding nas hukum

Aliran ini mendakwa bahawa Saidina Umar r.a ketika pemerintahannya sebagai khalifah yang kedua banyak mengeluarkan hukum yang dilihat bertentangan dengan nas al-Quran seperti tindakannya menghapuskan hukuman potong tangan terhadap pencuri ketika musim kebuluran. Sedangkan, ijtihad tersebut tidak bermaksud bahawa Saidina Umar r.a menanggukkan hukuman hudud potong tangan ketika waktu musim kebuluran (Yusuf al-Qaradawi, 2011). Namun, Saidina Umar r.a berijtihad bahawa mengambil makanan orang lain pada musim tersebut tidak dikira sebagai mencuri (mengambil hak orang lain) kerana ianya berlaku pada waktu kebuluran. Ini menyebabkan harta seseorang dianggap merupakan hak kepada orang yang lain. Maka, dakwaan yang mengatakan bahawa Saidina Umar r.a mendahulukan *masalah* dengan menafikan nas adalah tidak tepat.

ii. Mengikuti pendirian tokoh al-Ṭūfī yang mendakwa perlu mendahulukan *masalah* berbanding nas sekiranya wujud pertembungan

Perbincangan mengenai pandangan al-Ṭūfī ini mendapat kritikan yang pelbagai daripada kalangan ulama. Antara yang dinyatakan oleh tokoh tersebut ialah:

وإن خالفها وجب تقديم رعاية المصلحة عليهما بطريق التخصيص والبيان لهما

Terjemahan: Dan sekiranya nas dan *ijma'* itu menyanggahi *maṣlaḥah* maka wajib meraikan *maṣlaḥah* terlebih dahulu berbanding nas dan *ijma'* melalui jalan *takhṣiṣ* dan *bayān*

(al-Ṭūfī, 1998)

Golongan liberal mengambil kesempatan daripada polemik ini bagi membenarkan pendekatan mereka dalam wacana hukum Islam semasa. Jaringan Islam Liberal (JIL) misalnya, telah membawa dan mengembangkan gagasan al-Ṭūfī ini untuk menyokong pembaharuan mereka terhadap ilmu Usūl al-Fiqh sehingga menghasilkan kaedah Usūl al-Fiqh baharu yang mereka namakan sebagai 'Kaedah Usūl al-Fiqh alternatif' (Moqsiṭh, 2005).

Dalam membahaskan pandangan al-Ṭūfī ini, terdapat dua aliran ulama di mana ada yang menolak dan ada yang melakukan penilaian semula karya al-Ṭūfī. Natijah daripada kedua-dua pandangan tersebut tidak juga mengatakan bahawa perlu dan wajar untuk mendahulukan *masalah* berbanding nas hukum sewenangnya. Menurut sebahagian ulama seperti al-Qaradawi dan al-Raysuni, sekiranya diamati secara menyeluruh kenyataan al-Ṭūfī, beliau tidaklah

memaksudkan agar *masalah* mendahului nas secara mutlak tetapi perlu melalui cara *al-Takhṣiṣ* (pengkhususan) dan juga *al-Tibyān* (penjelasan) (al-Zuhayli, 1987).

Sungguhpun demikian, sekiranya pendekatan *al-Takhṣiṣ* dan *al-Tibyān* yang dikemukakan oleh al-Ṭūfī ini disandarkan kepada dalil *Istiḥsān* sebagaimana yang didakwa sebahagian pengkaji, ia juga tidak menepati dan sealiran dengan pendekatan *Istiḥsān* yang dikemukakan majoriti ulama. Bahkan al-Buti juga telah membahaskan perkara ini dengan mengkatégorikan pendapat al-Ṭūfī ini tidak menepati ijmak ulama (al-Būṭī, 2005). Ini kerana pemahaman al-Ṭūfī berkaitan *masalah* menggambarkan keutamaan *masalah* sebagai sumber hukum berbanding nas tidak sepertimana yang difahami oleh ulama yang menggunakan dalil *Istiḥsān*. Penolakan beliau terhadap pembahagian *masalah* *ḍarūri*, *hāji* dan *tahṣīnī* membuktikan bahawa beliau menerima segala jenis *masalah* untuk didahulukan berbanding nas sedangkan ulama yang menerima dalil *Istiḥsān* telah membahagikan tahap *masalah* berdasarkan keutamaan (iaitu *ḍaruriy*, *hājiy* dan *tahṣīniy*). Ia bertujuan supaya *masalah* yang benar-benar penting dapat dikenalpasti untuk dijadikan dalil yang kuat untuk mengatasi dalil yang lain. Penolakan terhadap pembahagian ini akan menyebabkan berlakunya manipulasi terhadap nas atas nama *masalah* dengan sewenangnyanya.

Imām al-Ghazali juga menafikan maksud *masalah* sebagai segala perkara yang membawa kebaikan dan menolak kemudaratan tetapi beliau menggariskan definisi *masalah* sebagai perkara yang dapat memelihara tujuan syarak iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (al-Zuhayli, 1987). Tujuan limitasi skop yang dikemukakan oleh al-Ghazali ini bertujuan untuk mengelakkan daripada pendefinisian *maṣlahah* hanya semata-mata bergantung kepada akal dan kehendak manusia (Mansor & Ramli, 2016)

iii. Menyandarkan kaedah Imām Ibn al-Qayyim; “di mana terdapatnya *masalah* maka dinamakan sebagai syariat”.

Dalam kenyataan Ibn Qayyim ini, golongan liberal tidak mengambil dan meneliti konteks kaedah tersebut dengan lebih mendalam. Sedangkan yang dimaksudkan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam kitabnya *al-Turuq al-Hukmiyyah* dan juga *I’lam al-Muwaqqi’in* adalah keadilan bukan *masalah* (al-Jauziyyah, 1828).

Dalam pengaplikasian semasa *maqāṣid al-syari’ah* berdasarkan pandangan alam golongan liberal, terdapat pelbagai persoalan dan kecelaruan metodologi yang timbul. Misalnya, Musdah Mulia ketika membahaskan tentang kesamarataan gender antara lelaki dan wanita dalam Islam, beliau telah mengemukakan pembaharuan terhadap metodologi fiqh dengan alasan bahawa metodologi fiqh klasik hanyalah tafsiran ulama terdahulu berdasarkan konteks semasa dan budaya arab. Musdah juga menggariskan enam prinsip dalam fiqh baharu beliau iaitu (i) prinsip kemaslahatan, (ii) keadilan dan kesetaraan gender, (iii) hak asasi manusia, (iv) pluralisme, (v) nasionalisme dan (v) demokrasi (M. Mulia, 2007). Alasan yang diberikan untuk mengiktiraf metodologi fiqh baharu yang dibina olehnya itu adalah untuk menjaga

maqāṣid al-syari'ah itu lebih utama berbanding memahami agama secara tekstual. Tanggapan Musdah ini menggambarkan bahawa akan ada pertentangan antara *maqāṣid al-syari'ah* dan teks asal hukum Islam. Sebaliknya, sekiranya dilihat semula kepada parameter (*dawābit*) penggunaan *maqāṣid al-syari'ah* yang telah digariskan oleh ulama dahulu, tidak akan wujud pertentangan antara teks asal dan *maqāṣid al-syari'ah* kerana *dawābit* yang dibina untuk memahami tujuan syarak adalah dengan memahami terlebih dahulu kehendak nas secara *tafsīliyy* sebelum mendatangkan kesimpulan objektif syarak secara *kulliy*.

Selain daripada itu, dengan menggunakan alasan *maqāṣid al-syari'ah*, kumpulan Sisters in Islam juga dilihat memberi sokongan terhadap pelaksanaan undang-undang untuk mengugurkan kandungan janin sekiranya seseorang wanita tidak menginginkannya (Zi, 2019). Ini bertentangan dengan tujuan syarak yang digariskan oleh ulama dalam *dawābit* pemakaian *maqāṣid al-syari'ah* iaitu untuk menjaga nyawa (*Hifz al-nafs*). Bahkan, kebanyakan majlis fatwa di dunia juga meletakkan hukum haram mengugurkan janin kecuali mendatangkan mudarat kepada ibu dan kandungan.

Dalam polemik kebolehan bagi umat Islam mengahwini bukan muslim, golongan liberal juga mendatangkan naratif yang berbeza dengan majoriti ulama di dunia samada *mutaqaddimīn* atau *mutaakhirīn*. Dengan memberikan alasan bahawa tidak ada nas yang jelas berkaitan pengharaman ini, mereka juga mendakwa bahawa perkahwinan antara agama ini juga selari dengan *maqāṣid al-syari'ah* atau kemasalahatan yang ingin dibawa oleh Islam. Pada pandangan golongan ini *maqāṣid* yang dimaksudkan ialah konsep pluralisme sebagai *sunnatullah*, tujuan dari perkahwinan adalah untuk membangun kasih sayang dan pembebasan (Muhammad Atiullah Othman & Daud, 2014). Dakwaan golongan ini jelas sekali tidak mempunyai asas yang kukuh untuk disandarkan kepada *maqāṣid al-syari'ah* sebagaimana yang digariskan ulama dalam *dawābit* pemakaiannya. Anggapan mereka bahawa tidak ada dalil yang jelas tentang pengharaman ini juga membuktikan kekurangan golongan ini ketika berinteraksi dengan ayat hukum. Berdasarkan pandangan ulama kontemporari seperti Yusūf al-Qaradawī dan Sayyid Sabiq, pengharaman pernikahan umat Islam dengannon-muslim adalah berdasarkan dalil naqli yang jelas sepertimana dalam firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (ayat 221), surah al-Mumtahanah (ayat 10) serta beberapa hadis dan athar sebagai sandaran hukum. Maka, ianya bukanlah satu perkara yang tidak wajar apabila ulama menggariskan bahawa antara *dawābit* pemakaian *maqāṣid al-syariah* ialah perlunya seseorang itu ahli dan mampu memahami teks hukum dengan baik dan mendalam.

KESIMPULAN

Berdasarkan pemerhatian terhadap reaksi golongan liberal dalam perbincangan *maqāṣid al-syari'ah*, boleh disimpulkan bahawa tiada suatu sistem yang dipersetujui dan tersusun bagi golongan ini dalam penentuan *maqāṣid al-syari'ah*. Dengan hanya bersandarkan alasan pluralistik dan kontekstual, mereka cuba untuk menafikan syari'at Islam yang *qat'ie* bagi menuruti hawa nafsu. Walhal aspek kemajmukan dan



pendekatan waqī'iy sudah ditekankan oleh ulama silam dalam penetapan *masalah* (melalui disiplin ilmu *usūl al-fiqh*) untuk mencapai *maqāṣid al-syarī'ah*. Selain daripada itu, disebabkan ketiadaan dan kepincangan *dawābit* terhadap pemakaian *maqāṣid al-syarī'ah* juga, golongan liberal sering menghasilkan natijah/kesimpulan hukum yang tidak seimbang bahkan saling bertentangan antara dalil *kulliy* dan *tafṣīliy*.

Kesan daripada metodologi dan pemikiran liberal ini memberikan impak yang buruk dan secara tidak langsung merosakkan serta menyelewengkan pemahaman nas al-Quran dan Hadis itu sendiri. Pengaruh dan fahaman ini berpunca daripada pergantungan semata-mata terhadap kemampuan akal yang terbatas dan didorongi dengan hawa nafsu. Ketidadaan jawapan yang bersifat naratif yang berlawanan (*counter-narrative*) kepada golongan ini menyebabkan masyarakat menjadi keliru dan dimanipulasi. Lebih-lebih lagi mereka menyifatkan diri mereka sebagai reformis dan gemar menggelarkan kelompok mereka sebagai moderat atau *wasatiyyah* yang pada konteksnya menyalahi dengan konsep bersederhana dalam Islam. Justeru, penerangan yang bersifat inklusif dan mencakupi seluruh aspek perlu diberikan penekanan khususnya daripada kalangan sarjana bagi menerangi dan memandu masyarakat.

RUJUKAN

- Abū Ishāq Al-Syātibī. (2015). *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Abu Talib Mohammad Monawer, & Rahman, N. N. A. (2016). The Theory of Maqasid al-Syarī'ah : A Literature Review and Research Agenda. In *Maqasid al-Syarī'ah : Konsep dan Pendekatan*. Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Perpustakaan Negara.
- Ahmad Farid Abdul Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ab. Halim Ismail, Huzaimah Ismail, & Rosele, M. I. (2017). Ilmu Kolonial di Malaysia : Perspektif Maqāṣid al-syarī'ah . *Al-Banjari*, 16(1), 51-83.
- Ahmad, R. (2007). Sikap Liberal Dalam Memahami Fiqh Mazhab Syafi'i: Realiti dan Fenomena di Malaysia. *Jurnal Fiqh*(4), 119-140.
- al-'Afasi, A. (1966). *Maqāṣid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa Makarimuh*. Rabat: Matabi' al-Risalah.
- Alias, M. N., Samsudin, M. A., & Omar, A. F. (2018). Maqasid Shariah as Determination of Islamic Law based on Shafie School of thought. *ASEAN Comprative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 2(1), 48-58.
- Asy'ur, M. a.-T. I. (1998). *Maqasid al-Syariah al-Islamiy*: Basair li al-Intaj al-'Ilm.
- al-Būṭī, S. ṭ. R. (2005). *ḍawābiṭ al-Maslahah fī al-Sharī'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.



- Duderija, A. (2014). *Maqāṣid al-Sharī'a, Gender Non-patriarchal Qur'ān-Sunna Hermeneutics, and the Reformation of Muslim Family Law*. In A. Duderija (Ed.), *Maqāṣid al-Sharī'a and Contemporary Reformist Muslim Thought: An Examination* (pp. 193-218). New York: Palgrave Macmillan.
- Ismail, A. M., & Stapa, Z. (2019). Liberalisme dan Pemikiran Pemimpin Muslim di Malaysia. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 41 (2).
- al-Jauziyyah, I. Q. (1828). *Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar'iyyah*. Mekkah: Dar Alim al-Fu'ad.
- Kurzman, C. (1998). *Liberal Islam: a sourcebook*: Oxford University Press.
- Mansor, M. S., & Ramli, M. A. (2016). Pendekatan Pseudo-Maqasid Dalam Aliran Hukum Islam Semasa. In Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, & S. A. Khalil (Eds.), *Maqasid al-Shari'ah : Aplikasi Dalam Aspek Sosial dan Perundangan*. Jabatan Fiqh Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Manzur, M. i. M. I. *Lisan al-'Arab* (Vol. 8). Beirut: Dar al-Sadir.
- Masroom, M. N., & Dagang, W. I. W. (2016). Cabaran islam Liberal Kepada Umat Islam. In: Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Moqsiith, A. (2005). Merancang Kaidah (Ushul) Fikih Alternatif. In *Islam, Negara dan Civil Society Gerakan dan Pemikiran Islam Kontemporer*: Paramadina Jakarta.
- Muhammad, A. (2019). Jakim Perlu Betulkan Konsep Rahmatan Lil Alamin. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/50794/BERITA/Nasional/Jakim-perlu-betulkan-konsep-Rahmatan-Lil-Alamin>
- Muhammad Atiullah Othman, & Daud, M. N. b. (2014). Kecelaruhan Fahaman Liberal dalam Fiqh : Satu Kajian Mengenai Hukum Wanita Islam Berkahwin Dengan Non-muslim. In *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia* (pp. 135). Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Mulia, M. (2007). *Islam Menggugat Poligami*. Indonesia: Gramedia Pustaka Utama.
- Mulia, S. M. (2009). *Understanding LGBT Issue in Islam Promoting the Appreciation of Human Dignity*. Paper presented at the 2nd CSBR Sexuality Institute, Istanbul.
- al-Qaradawi, Y. (2005). *Dirāsah fī Fiqh Maqāṣid al-Sharī'ah*. Qaherah: Dar al-Shuruq.
- al-Qaradawi, Y. (2011). *al-Siyasah al-Shar'iyah fi Daw' Nusus al-Shari'ah wa Maqasidiha*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qārī, A. (2001). *Marqāt al-Mafātīḥ Syarḥu Misykāt al-Maṣābīḥi* (Vol. 1). Beirut, Lubnan: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah.



- al-Qazwīnī, A. I. F. (1979). *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Raysuni, A. (1995). *Nazariyat al-Maqasid 'inda al-Imam al-Syatibi* Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- Ryandi, R. (2013). Antara Pluralisme Liberal dan Toleransi Islam. *Kalimah: Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*, 11(2), 251-270.
- Al-Raysūnī. (1999). *Al-Fikr al-Maqāṣidī Wa Qawā'iduh Wa Fawā'iduh*. al-Ribat: Jaridah al-Zaman.
- Safi, O. (2003). *Progressive Muslim: On Justice, Gender And Pluralism*. England: Oneworld Publications.
- Suharto, U. (2003). Apakah al-Quran Memerlukan Hermeneutik? *Jurnal Usuluddin*, 17, 123-136.
- Sulaiman, S. (2018). Konsep Maqāṣid Asy-Syarī'ah, Kritik Atas Nalar Liberalis. *Al-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman*, 17(2), 205-217.
- Syafrin, N. (2009). Kritik Terhadap Paham Liberalisasi Syariat Islam. *Jurnal Tsaqafah*, 5(1), 52-78.
- Syarif, A., & bin Ahmad, R. (2016). Konsep Maslahah Dan Mafsadah Sebagai Asas Pemikiran Maqāṣid Syariah: Satu Analisis. *Ijtihad: Jurnal Hukum dan Ekonomi Islam*, 10(2).
- As-Syaukanie, L. (2002). Andai Aku Seorang Muslim Liberal. Retrieved from <https://islamlib.com/gagasan/islam-liberal/andai-aku-seorang-muslim-liberal/>
- al-Ṭūfī, N. A. S. A. A. (1998). *al-Ta'yīn fī Sharḥ al-Arba'īn*, ed. Ahmad Ḥajī Muḥammad Uthman. Makkah: al-Maktabah al-Makiyyah.
- al-Yūbī, M. S. a. i. A. (2010). Ḍawābit l'māl Maqāṣid al-Syarī'ah fī al-Ijtihād. *Majallat al-Usūl wa al-Nawāzil*, 2, 15-70.
- al-Yubi, M. S. d. b. A. b. M. u. (1998). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa 'Alaqtuha bil Adillah al-Shariah*. Arab Saudi: Dar al-Hijrah li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- al-Zuhayli, W. (1987). *Usul al-Fiqh al-Islamiy* (Vol. 2). Beirut: Dar al-Fikr al-Muasir.
- Zi, T. M. (2019). Three reasons why abortion remains a legal taboo in Malaysia. *Malay mail*.
- Zulkhifly, M. (2014). *Liberalisme Islam di Indonesia, Suatu Tinjauan Historis Tahun 1970-2005*. (Ijazah Sarjana), Universitas Jember, Indonesia.



Zulkipli, S. R. I., Rahman, M. M. A., & Rahman, M. Z. A. (2016). Metodologi Pemikiran Sisters in Islam terhadap Hijab: Analisis Kritikan Berasaskan Fiqh al-Hadith. *al-Basirah*, 6(1-16).